

7) PERUMAHAN

Adun : Y.B. Tuan Nushi Bin Mahfodz (Semenyih)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Bagaimana Kerajaan mengawal sesuatu projek perumahan bagi mengelakkan berlakunya lambakan rumah yang tidak terjual?**

Untuk makluman Yang Berhormat, secara dasarnya isu hartanah tidak terjual ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri kerana ianya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan beberapa tindakan penyelesaian lambakan rumah yang tidak terjual melalui Kempen Pemilikan Rumah (HOC), inisiatif i-Biaya di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), Inisiatif Pemilikan Rumah Malaysia (i-MILIKI), Syarat Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak lepas tangan dengan mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan satu Jawatankuasa bagi melihat permasalahan ini. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah menubuhkan satu (1) Jawatankuasa "Task Force" Khas Pemantauan dan Pelaksanaan Pelan Tindakan Kawalan Rumah Harga Bebas Yang Tidak Terjual Di Dalam Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh saya sendiri.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh pihak yang berkepentingan seperti wakil dari Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS), Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN), Jabatan Penilaian dan Pekhormatan Harta melibatkan 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPH) dan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA).

Jawatankuasa ini akan melihat kepada isu-isu yang menjadi punca kegagalan unit-unit tidak terjual dan cadangan penyelesaian atau mekanisma kawalan yang dapat disyorkan di peringkat Kerajaan Persekutuan. Perkara ini perlu dibincangkan bersama dengan pihak Kerajaan Persekutuan terutamanya KPKT dan juga sokongan pangkalan data pasaran hartanah daripada '*National Property Information Centre*' (NAPIC) agar satu dasar atau garis panduan dapat diwujudkan bagi mengawal dan mengelakkan berlakunya lambakan hartanah yang tidak terjual khususnya di Negeri Selangor.